

12 JUN 2001

RAFIDAH-CALON

DR MAHATHIR AKAN PUTUSKAN SIAPA MENTERI KEWANGAN BARU, KATA RAFIDAH

KUALA LUMPUR, June 12 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memutuskan siapa yang akan menjadi menteri kewangan, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, hari ini.

Beliau yang dikatakan sebagai salah seorang calon bagi jawatan itu berkata tidak perlu dibuat spekulasi kerana kerajaan sekarang sedang berjalan dengan baik.

Semua menteri bekerja kuat untuk memastikan ekonomi terus berkembang, katanya ketika ditanya oleh wartawan mengenai siapa calon menteri kewangan, selepas melancarkan Laporan Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia 2000 serta Laporan Produktiviti 2000, di sini.

Bila ditanya samada ada tawaran dibuat kepada beliau, Rafidah menjawab: "Jangan sebut tawaran. Bidangkuasa Perdana Menteri tak payahlah kita sentuh. Jangan bercakap mengenainya kerana saya tak tahu apa-apa kerana saya baru balik dari luar negeri."

"Saya sendiri sibuk dengan pegawai-pegawai saya untuk memastikan sasaran- sasaran perdagangan industri kita terus berkembang... Kita tak ada masa untuk ramalan," tambah beliau.

Beliau berkata beliau tidak tahu siapakah calon untuk menjadi menteri kewangan. -- BERNAMA

SM JR